

Proses kuarantin hilangkan bau

Industri ikan tilapia dibefi nilai tambah, terus dipromosi

Oleh **ASHRIQ FAHMY AHMAD**
ashriq.ahmad@utusan.com.my

KESABARAN berdikit-dikit menimba ilmu juga kemahiran di dalam bidang ternakan merupakan antara 'resipi' kejayaan tiga graduan dalam bidang penternakan ikan tilapia.

Mohd. Afiq Arif, 23, Wan Muhammad Fazli Hussaini Wan Mohamad Yusoff, 25, dan Mohd. Nur As Shabah Mohamed, 24, memulakan bidang ternakan ikan tilapia tersebut menerusi penubuhan Syarikat Gemilang Agribiz.

Biarpun berusia muda, namun umur bukanlah ukuran. Sekiranya seseorang itu rajin berusaha pasti rezeki dengan mudah diperoleh.

Menyedari bidang ternakan akuatik seperti ikan tilapia memiliki permintaan yang tinggi di negara ini, segala ilmu termasuk teori serta praktikal berkenaan ikan tersebut dipelajari.

Mohd. Afiq, menuntut di bidang Ijazah Sarjana Muda Sains Perniagaantani, Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, bekalan ikan yang diternak mereka sebenarnya masih tidak mencukupi untuk menampung permintaan.

"Buat setakat ini kami hanya



Info

- Harga ikan tilapia dipasaran.
→ Menecah RM30 sekilogram bagi ikan hidup.
→ RM8 bagi ikan segar.
- Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri (SADC) Perak telah berminat untuk melantik Syarikat Gemilang Agribiz melaksanakan projek ikan tilapia secara besar-besaran.
- Nama saintifik ikan tilapia adalah *Oreochromis sp.*

menumpukan perhatian kepada kedai-kedai makan sekitar kawasan Seri Kembangan dan UPM.

"Sebelum memasarkan produk, kajian pasaran yang telah dilakukan dan pihak kami mendapati pasaran di sekitar Seri Kembangan memiliki peluang besar," katanya.

Mereka bertiga ditemui pada majlis



MOHD. AFIQ ARIF



DR. MOHD. FAUZI

Penuaian 10,000 ekor ikan tilapia yang disempurnakan oleh Naib Canselor UPM, **Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan**.

Yang turut hadir pada majlis tersebut adalah Dekan Fakulti Pertanian UPM, Prof Dr. Abdul Shukur Suraimi.

Bekalkan modal permulaan RM20,000 yang diperolehi daripada AGRObank, graduan tersebut berjaya menternak ikan tilapia di kolam 10, Taman Pertanian Universiti, UPM, Serdang.

Jelas Mohd. Afiq, buat permulaan, syarikat yang ditubuhkan oleh mereka menggunakan segala kemudahan yang disediakan oleh UPM melalui kaedah sewa.

"Melalui kaedah ini kami tidak perlu mengeluarkan modal yang terlalu besar untuk mendapatkan peralatan serta kolam.

"Bagaimanapun pihak kami tidak boleh bergantung

selamanya dengan bantuan yang diberikan oleh UPM dan berhasrat untuk mencari tapak penternakan sendiri di masa akan datang," katanya.

Tambahnya, antara ikan yang diternak adalah sekitar grad B, kira-kira 400 gram ke atas kerana untuk menghasilkan ikan grad A memerlukan tambahan terhadap kos makanan.


Pada permulaan ternakan, mereka menggunakan 14 buah sangkar yang mana setiap satu menempatkan hampir 2,000 benih ikan tilapia dan telah dipertingkatkan kepada 26 sangkar yang mampu menampung sebanyak 12,000 ekor ikan.

Di sebalik kejayaan ternakan ikan tilapia yang kelihatan mudah tersebut, tersembunyi rahsia bagaimana produk mereka begitu digemari pelanggan.

Rahsianya mudah kerana ikan yang akan dijual akan dikuarantin terlebih dahulu sebelum dipasarkan.

Kaedah tersebut merupakan cara mudah bagi memastikan isi ikan tilapia tidak berbau lumpur mahupun bau-bau yang kurang enak dari kolam ternakan.

Ikan akan dikuarantin semalaman



KETUA Pegawai Transformasi AGRObank, **Nik Abdullah Shukri Nik Mustapha (kiri)** menyampaikan replika cek kepada **Jasmani Abdullah** dari **Jasz Enterprise** sambil diperhatikan oleh **Dr. Mohd. Fauzi Ramlan (tengah)** di program **Inkubasi Usahawantani di Serdang, Selangor baru-baru ini.**

di dalam tangki yang berisi air bersih dan bukan air kolam asal.

Proses kuarantin dalam air bersih tersebut juga menjadikan isi ikan lebih enak serta kurang berbau hanyir.


Mohd. Afiq merupakan antara contoh alumni Program Inkubasi Usahawan Tani UPM selama enam bulan yang berjaya membuah hasil.

Menurut Dr. Mohd. Fauzi, program tersebut merupakan salah satu agenda utama UPM dalam pelaksanaan program pembangunan usahawan di kalangan graduan UPM.

"Program Inkubasi Usahawan Tani UPM bagi tahun 2013 kini telah memasuki fasa yang kedua dan kita di UPM akan meneruskan program ini di masa-masa akan datang," katanya.



PESERTA Program Inkubasi Usahawan Tani UPM memegang kad keahlian yang diterima daripada pihak UPM dengan kerjasama AGRObank.



PESERTA Program Inkubasi Usahawan Tani UPM menunjukkan ikan tilapia yang ditenak oleh mereka.